

19/02/2001

Pameran karya Li Zijian kembali ke Malaysia

SEBUAH lukisan kontroversi antara lebih 120 karya cat minyak yang dihasilkan pelukis terkenal China, Li Zijian dipamerkan di Balai Seni Lukis Negara (BSLN) di sini sebelum Pameran Bergerak Sedunia beliau berakhir.

Lukisan terhebatnya bertajuk 1937 - Massacre in Nanjing Kill yang dihasilkan selama 18 bulan pernah menimbulkan kontroversi ketika dipamerkan di Netherland apabila didesak sekumpulan rakyat Jepun supaya lukisan itu tidak dipamerkan.

Li Zijian berkata, penganjur tunduk pada desakan itu tetapi pameran tetap berjalan lancar dan mendapat sambutan ramai. Lukisan itu berdasarkan fakta sejarah mengenai kekejaman Jepun yang membunuh ribuan rakyat China.

Li Zijian berkata, pameran di Malaysia mulai semalam hingga 18 Mac ini, cukup bermakna kerana siri Pameran Bergerak Sedunia bermula di Malaysia.

Pameran yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1996 itu diadakan di 15 negara di lima benua. Ketika pameran diadakan di Amerika Syarikat, Jerman, Perancis dan United Kingdom, karya Li Zijian mendapat perhatian termasuk daripada pengkritik seni Barat.

"Selepas menjelajah dunia, pameran itu kembali ke Malaysia dan Taiwan sebelum lukisan diserahkan kepada pemilik masing-masing," katanya.

Beliau berkata, dengan bertema `Kemanusiaan dan Kesejahteraan' pameran kali ini menghimpunkan 122 karya cat minyak dan lebih bermakna dengan lapan lukisan terbaru mengenai Malaysia.

Li Zijian yang lukisannya turut menjadi koleksi Dr Mahathir, berbangga kerana dapat berkarya di Malaysia dan merakamkan detik manis hubungan kaum di negara ini.

Karya Li Zijian memperlihatkan pemahaman pelukis terhadap kehidupan sebenar yang bukan sekadar paparan luaran, malah memperlihatkan pengertian serta penghayatan mendalam terhadap falsafah hidup.

Karyanya berkisar di sebalik tema pemandangan landskap penghidupan sederhana masyarakat kampung dengan paparan wajah wanita, golongan tua dan kanak-kanak, gambaran kemiskinan, bersama landskap dan kegiatan harian masyarakat desa.

(END)